

07/02/2000

Malaysia mampu lahir jaguh: PM

Jami'ah Shukri; Johnny Giles Senin; Magendran Rajagopal
KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pelumba tempatan memanfaatkan kejayaan negara menganjurkan kejohanan bertaraf dunia, seperti Le Tour de Langkawi (LTDL), untuk memantapkan kemahiran dan menempa nama pada peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, walaupun LTDL belum mencapai kehebatan Le Tour de France, beliau yakin acara itu akan menjadi satu daripada perlumbaan utama dunia jika diusahakan secara gigih.

"Saya amat bangga dengan sokongan rakyat terhadap LTDL. Saya fikir sejak kita adakan pertandingan yang pertama, perlumbaan ini sudah meningkat dan perlumbaan tahun ini mungkin yang terbesar.

"Setiap tahun kita adakan perlumbaan ini, ramai yang mengambil bahagian dan kita nampak prestasinya meningkat. Buat pertama kali, kita menyaksikan peserta dari Amerika Syarikat dan Mexico mempamerkan prestasi cemerlang.

"Pelumba tempatan juga tidak kurang hebatnya dan mereka mampu menjadi juara satu hari nanti jika gigih berlatih," katanya pada sidang akhbar selepas majlis penyampaian hadiah kepada pemenang LTDL di Dataran Merdeka di sini, hari ini.

Seramai 250 pelumba dari 25 pasukan menyertai kejohanan berprestij itu bagi merebut hadiah berjumlah RM1.5 juta.

Kejohanan yang bermula 25 Januari lalu itu, dimulakan di Langkawi dan menyusuri Pantai Barat Semenanjung untuk melengkapkan kayuhan sejauh 1,600 kilometer yang berakhir di Dataran Merdeka, petang ini.

Mengenai usaha Malaysia untuk menarik penyertaan pelumba bertaraf dunia, Dr Mahathir berkata, ia boleh dilakukan dengan memperbanyakkan promosi dan menambah nilai hadiah.

Katanya, kerajaan juga akan mengkaji mengenai pembabitan negeri lain dalam laluan perlumbaan itu.

"Sebelum ini, kita cuba sehingga ke Sabah dan Sarawak, tetapi kita menghadapi masalah kerana mengambil masa yang banyak. Oleh itu kita terpaksa kurangkan negeri yang terbabit," katanya.

Dr Mahathir juga bangga dengan sokongan rakyat yang hadir beramai-ramai pada kebanyakan peringkat perlumbaan bagi memberi galakan kepada pelumba.

Katanya, pada mulanya ilham kejohanan itu sekadar mengadakan perlumbaan mengelilingi Pulau Langkawi tetapi penganjur berpendapat laluan perlu diperluaskan seperti Le Tour de France.

"Ia boleh dilakukan dengan sokongan rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat, sukarelawan, polis, agensi kerajaan, penaja korporat dan pegawai lumba basikal tempatan serta asing," katanya.

Dr Mahathir berkata, sukan berbasikal boleh dipertingkatkan dengan menggalakkan penyertaan masyarakat bermula dari peringkat sekolah rendah.

"Mungkin dalam tempoh 10 atau 20 tahun, kita mampu melahirkan perlumba bertaraf antarabangsa," katanya.

(END)